

# **INTEGRASI ANTARA DAKWAH DAN PERBANDINGAN AGAMA; TINJAUAN LITERATUR**

Aemy Elyani binti Mat Zain<sup>1</sup>

Nur Azimah binti Abdul Aziz<sup>2</sup>

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*

## **ABSTRAK**

*Secara umumnya umat Islam di Malaysia telah memahami perkara yang dimaksudkan dakwah Islamiyyah. Cuma apabila diperhalusi dakwah kepada aspek perbandingan agama, ia mencetuskan persoalan akan kaitannya disiplin ilmu perbandingan agama dengan dakwah Islamiyyah itu. Dan apakah tuntutan yang Al-Quran letakkan antara disiplin ilmu perbandingan agama dengan dakwah. Maka, penulisan ini bertujuan untuk membincangkan konsep dan tuntutan dakwah dan perbandingan agama yang dalam Islam. Metodologi kajian bersifat kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa disiplin ilmu perbandingan agama adalah salah satu tuntutan dalam Islam khususnya dakwah terhadap bukan Islam. Bahkan kedua nya ini adalah bersifat integrasi dan bukan bersifat dualisme.*

**Kata Kunci:** Integrasi, Dakwah, Perbandingan Agama

## **1.0 PENGENALAN**

Umat Islam tidak hanya dilihat cemerlang dalam konteks hubungannya dengan penciptaNya, tetapi juga cemerlangnya umat Islam itu dengan terbinanya hubungan sesama manusia. Ini kerana al-Quran begitu jelas menerangkan tujuan penciptaan manusia ke dunia ini bukan sahaja sebagai hambaNya tetapi juga sebagai khalifah di muka bumi ini. Firman Allah SWT yang bermaksud ‘Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu’ (Az-Zariyat : 56). Seterusnya, Allah SWT juga berfirman pada surah yang berbeza mengenai tujuan penciptaan manusia ke muka bumi, maksud ayat tersebut ialah ‘Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat, ‘Aku hendak menjadikan khalifah di muka bumi. Mereka berkata, adakah Engkau hendak menjadikan orang yang akan merosakkan dan menumpahkan darah di sana, sedangkan kami sentiasa bertasbih dan menyucikanMu?. Allah berfirman; sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui’ (Al-Baqarah : 30).

Pada kedua-dua ayat ini jelas menjawab akan tujuan penciptaan manusia ke muka bumi dan tujuan penciptaan ini tidak dinafikan oleh mana-mana manusia khususnya yang bergelar umat Islam. Dalam konteks hubungan manusia sesama manusia itu wujudnya istilah-istilah seperti dialog antara agama, dakwah islamiyyah, dan istilah yang berkaitan dengannya. Manusia di sini bukan sahaja dirujuk kepada orang Islam sahaja, bahkan juga orang bukan Islam.

Maka di sini telah jelas menunjukkan bahawa aspek dakwah itu merupakan ruang likup Islam yang besar dalam hubungan manusia sesama manusia. Begitu juga berkaitan rapat

---

<sup>1</sup> Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam, Pusat Pengajaran Teras. Email:aemyelyani@kuis.edu.my

<sup>2</sup> Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam, Pusat Pengajaran Teras. Email:nurazimah@kuis.edu.my

dengan hubungan manusia dengan pencipta. Ini kerana mesej dan kandungan dakwah itu sebenarnya menyeru kepada risalah yang benar, agama yang benar dan Tuhan yang berhak disembah.

## 2.0 METODOLOGI

Metodologi penulisan yang digunakan ialah berbentuk kualitatif. Data-data kualitatif seperti buku-buku ilmiah, tesis-tesis, makalah-makalah, artikel-artikel jurnal dan bahan bertulis daripada laman sesawang dan akhbar dijadikan maklumat penting dalam merungkai persoalan yang terdapat dalam kertas kerja ini.

## 3.0 DEFINISI DAKWAH

Berdakwah dalam diri umat Islam begitu sinonim bagi setiap individu yang bergelar muslim. Perkataan dakwah berasal daripada perkataan Arab yang membawa erti seruan, panggilan atau ajakan.<sup>3</sup> Yusuf al-Qaradawi pula menegaskan bahawa dakwah adalah mengajak kepada Islam, mengikuti petunjukNya, mengukuhkan manhajNya di muka bumi, beribadah kepadaNya, memohon pertolongan dan taat hanya kepadaNya, melepaskan diri dari semua ketaatan kepada selainNya, membenarkan apa yang dibenarkan olehNya, menyalahkan apa yang disalahkanNya, menyeru kepada yang makruf, mencegah yang mungkar, dan berjihad di jalan Allah. Dalam kata lain, berdakwah kepada Islam secara khusus dan sepenuhnya, tanpa balasan dan imbalan.<sup>4</sup>

Menurut ‘Abd al-Karim Zaydan pula, dakwah ialah panggilan ke jalan Allah SWT<sup>5</sup> berdasarkan firman Allah SWT.

*Maksudnya:*

*“Katakanlah (Wahai Muhammad): “Inilah jalanku, Aku dan orang-orang yang mengikutiku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan Aku menegaskan: Maha Suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); Dan bukanlah Aku dari golongan yang mempersekuatkan Allah dengan sesuatu yang lain.”<sup>6</sup>*

Dari sudut lain pula, dakwah ialah mengajak manusia dengan cara yang baik menuju jalan yang benar, sesuai dengan perintah Tuhan untuk kemaslahatan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.<sup>7</sup>

Menurut Zaki Masy’al, dakwah didefinisikan sebagai kebangkitan ulama dan orang yang mempunyai kesedaran dalam agama dengan melaksanakan tugas mengajar orang ramai ilmu dan pengajaran yang boleh menunjukkan jalan dunia dan akhirat. Dakwah juga didefinisikan sebagai menggalakkan manusia melakukan kebaikan, hidayah dan amar makruf nahi mungkar, agar mereka mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat. Ia juga adalah suatu misi untuk menyelamatkan manusia daripada kesesatan atau kejahanatan yang

---

<sup>3</sup> Anon., Metodologi Dakwah, Bangi, Pusat Kembangan Pendidikan, UKM, t. th., hlm. 9.

<sup>4</sup> Akram Kassab, Metode Dakwah Yusuf al-Qaradawi, Jakarta Timur, Pustaka al-Kautsar, 2010, hlm. 2.

<sup>5</sup> ‘Abd al-Karim Zaydan, Dasar-Dasar Ilmu Dakwah, Shah Alam, Dewan Pustaka Fajar, 2009, hlm. 1.

<sup>6</sup> Abdullah Basmeih, 1980, hlm. 572.

<sup>7</sup> Thoha Yahya Umar, Ilmu Dakwah, Jakarta, Wijaya, 1971, hlm. 1.

berlaku, dan memberikan peringatan kepada mereka tentang perkara-perkara buruk yang dibimbangi mereka akan terjebak dalam kancangnya.<sup>8</sup>

Manakala Ra'uf Shalabiya pula mengatakan bahawa, dakwah adalah gerakan untuk merealisasikan undang-undang Allah SWT yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.<sup>9</sup>

Di dalam al-Quran, perkataan dakwah disebut sebanyak 198 kali dalam 55 surah dan dalam 176 ayat. Ayat-ayat tersebut sebahagian besar (sebanyak 141 ayat) turun di Makkah,<sup>10</sup> 30 ayat turun di Madinah dan 5 ayat lagi terdapat perbezaan pendapat antara turun di Makkah dan Madinah.<sup>11</sup>

Namun pun begitu, secara ringkasnya dakwah ialah mengajak ke arah kettaatan, dan berbuat kebaikan berlandaskan Islam seperti pengertian yang diberikan tadi. firman Allah SWT.<sup>12</sup>

*Maksudnya:*

*“Wahai Nabi, Sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu), dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang ingkar). Dan juga sebagai Penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah dengan taufiq yang diberiNya; dan sebagai lampu yang menerangi”.*<sup>12</sup>

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dilihat akan konsep umum yang ada pada dakwah yang mana ruang likupnya ialah satu bentuk pengislahan dan ajakan terhadap umat manusia sama ada sasarannya orang Islam dan bukan Islam. Seterusnya, tema-tema dakwah yang menjadikan perbincangan

#### **4.0 PRINSIP-PRINSIP DAKWAH**

Dakwah merupakan kesinambungan daripada dakwah para Nabi AS yang terdahulu sebelum nabi Muhammad SAW. Sesungguhnya menyampaikan dakwah adalah tugas utama para nabi dan rasul AS bagi menyebar dan mengembangkan agama Tauhid kepada umat mereka masing – masing. Rasul terdahulu membuka jalan bagi rasul yang terkemudian daripadanya dan beriman dengannya serta memberikan sokongan kepadanya sehingga sampai ke peringkat Allah SWT menyempurnakan agama-Nya dan nikmat-Nya iaitu dengan perutusan Nabi Muhammad SAW sebagai nabi yang terakhir.

Tiga prinsip yang menjadi dasar bagi tiap – tiap risalah yang terdahulu sebelum risalah yang terakhir iaitu :<sup>13</sup>

1. Mengakui kebenaran risalah terdahulu.

---

<sup>8</sup> Zaki Masy'al, al-Ni'mah al-Kubra: Sorotan Pemikiran Dakwah Islamiyyah, Kaherah, Mathba'ah al-Sa'adah, 1985, hlm. 114.

<sup>9</sup> Ra'uf Shalabiyy, al-Dakwah al-Islamiyyah fi 'Ahdiha al-Makkiy: Manahijuha wa Ghayatuha, Qahirah, al-Fajr al-Jadid, 1985, hlm. 34.

<sup>10</sup> Muhammad Suthon, Desain Ilmu Dakwah, Semrang, Pustaka Pelajar, 2003, hlm. 9.

<sup>11</sup> Al-Quran, al-Ahzab, 46-45 : 33

<sup>12</sup> Abdullah Basmeih, 1980, hlm. 1113.

<sup>13</sup> Wan Hussein Azmi, Ilmu Dakwah, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1984, hlm. 42.

Mengatakan kebenaran semua risalah yang terdahulu setelah membersihkannya dari segala penyelewangan dan kepalsuan.

2. Menyempurnakan risalah terdahulu.

Menyempurnakannya dengan ajaran – ajaran yang dikehendaki oleh tempat dan alam sekitar bagi rasul yang baru itu untuk memimpin manusia dan menggalakknya membuat segala kebaikan dan memerangi syirik, kezaliman dan pencerobohan.

3. Membuka jalan kepada risalah yang akan datang.

Memberi ingatan yang tegas supaya manusia mengikut rasul yang akan datang dan berimannya dan memberi sokongan kepadanya. Sesipa ayang kufur kepada Allah SWT yang mengutuskan rasul itu.

Perkaitan antara dakwah Islamiah yang dibawa Nabi Muhammada SAW dengan dakwah nabi terdahulu didapati bahawa mereka membawa risalah yang satu iaitu agama Allah SWT . antara perkara yang disepakati ialah :<sup>14</sup>

1. Mengesakan Allah SWT.
2. Ikhlas beribadah kepada Allah dan tunduk kepada segala perintah-Nya dengan sepenuh hati.
3. Beriman dengan hari kiamat dan apa – apa yang beraku pada hari itu seperti kebangkitan mereka yang mati dari kubur dan mengira amalan yang telah mereka lakukan semasa hidup di dunia.
4. Beriman dengan segala rasul Allah dengan tidak membezakan seorang mereka dari pada seorang yang lain.
5. Memberi dorongan kepada manusia untuk berbuat baik dan taat kepada perintah Allah.
6. Menimbulkan rasa takut dan gerun untuk melanggar perintah Allah.
7. Menimbulkan rasa gemar untuk menghias diri dengan budi pekerti yang mulia dan menimbulkan rasa benci terhadap kelakuan yang buruk.
8. Mereka semuanya berusaha memperbaiki penyakit – penyakit masyarakat yang merebak di kalangan kaum masing – masing.

Jika dirumuskan, sesiapa yang mengambilnya sebagai pedoman hidup pasti akan mendapat kejayaan di dunia mahupun di akhirat. Perkara – perkara di atas merupakan jalan menuju kepada Allah SWT. Itulah nikmat yang paling besar dan bukannya kesenangan dunia yang berupa ujian semata – mata.

## **5.0 INTEGRASI DAKWAH DAN PERBANDINGAN AGAMA**

Berdasarkan perbincangan di atas jelas menunjukkan konsep dakwah secara umum yang telah Islam letakkan. Konsep dakwah ini merupakan satu aspek yang besar dan luas kerana dakwah itu adalah tanggungjawab semua individu yang bergelar muslim. Bahkan, mesej dakwah yang terdapat pada perbincangan adalah menyeluruh bermula daripada seruan

---

<sup>14</sup> Anon, Metodologi Dakwah, Bangi, Pusat Kembangan Pendidikan, UKM, t. th, hlm. 42.

kepada Tauhid atau mengesakan Allah SWT dan seterusnya dakwah yang melibatkan perkara-perkara ibadah.

Namun timbul persoalan iaitu di mana wujudnya integrasi dakwah dan perbandingan agama ini? Ini kerana tiada dibincangkan secara tepat yang mana kaitannya antara dakwah dan perbandingan agama. Pertamanya, dari segi istilah; perbandingan agama, atau dalam bahasa Inggeris *comparative religion*, dan bahasa Arab pula disebut *muqarannah al-adyan* merupakan istilah-istilah yang berbeza tetapi mempunyai makna yang sama iaitu ilmu tentang perbezaan dan persamaan antara agama-agama<sup>15</sup>. Ada juga sarjana-sarjana barat berpendapat istilah *study of religion* memberi makna yang sama seperti *comparative religion*. Ini jelas dilihat daripada tulisan-tulisan mereka yang bertajuk *The Early and the Contemporary Study of Religion (1955)*, *Comparative Religion to History of Religions (1922)*, *Classical Approaches to the Study of Religion: Aims, Methods and Theories of Research (1974)* dan *The Historical Study of Religion (1921)*. Pendekatan para sarjana Barat mengkaji agama-agama adalah berbeza dengan para sarjana Islam mengkaji agama-agama. Ini kerana sarjana Barat menggunakan pendekatan dan metodologi empirikal atau dikenali sebagai *scientific state of mind* dalam perbandingan agama ini. Antara contoh pendekatan mereka mengkaji agama-agama ialah berkaitan dengan antropologi, sosiologi dan psikologi<sup>16</sup>. Ini bererti, sarjana Barat melihat perkembangan atau wujudnya agama-agama di dunia itu lahirnya daripada masyarakat sekeliling dan agama-agama juga boleh lahir daripada pemikiran dan psikologi seseorang itu yang inginkan agama. Contohnya, manusia mula beragama dengan menjadi pengikut polytheistic (banyak tuhan), dan seterusnya dualistic dan monotheistic (dua atau satu tuhan) serta akhirnya menjadi atheistic (tiada tuhan). Ini merupakan antara pendekatan Barat yang mengkaji dalam ilmu perbandingan agama.

Berbeza dengan pendekatan dan metodologi para sarjana Islam dalam disiplin perbandingan agama. Para sarjana Islam melihat lahirnya agama-agama daripada perkembangan sejarah agama-agama itu sendiri. Jika agama Islam, pastinya sejarah agama Islam bermula dengan kepercayaan kepada Allah yang Maha Esa atau dalam kata lain, Islam ialah agama Tauhid<sup>17</sup>. Selain itu, sejarah agama Islam juga membuktikan bahawa Adam AS merupakan insan pertama yang Allah SWT ciptakan.

Begini juga agama-agama lain yang wujud di dunia ini, para sarjana Islam mengkaji agama-agama ini daripada sejarah agama tersebut. Agama samawi merupakan agama wahyu dan berasal daripada agama Tauhid iaitu kepercayaan kepada Allah yang Maha Esa. Agama samawi ini ialah Nasrani dan Yahudi yang kini lebih dikenali sebagai agama Kristian dan agama Yahudi. Bukan sahaja aspek ketuhanan yang memperakui agama Tauhid, bahkan dari sudut pembawa risalah-risalah ataupun aspek kenabian seperti Nabi Adam AS adalah manusia pertama, Hawa pula merupakan pasangan kepada Nabi Adam AS. Dalam kata lain Nabi Adam AS dan Hawa merupakan pasangan pertama yang diperakui dalam agama samawi ini. Walaupun sejarah agama-agama membuktikan bahawa lahirnya agama Nasrani dan Yahudi yang memegang kepercayaan yang sama dan risalah yang sama iaitu Tauhid, namun bagi para sarjana Islam mengakui bahawa sekelompok

<sup>15</sup> Yussamir Yusof.(2012). *Hikmahnya Dakwah Rasulullah*.Selangor: Mazni Irfan Publication

<sup>16</sup> Kamar Oniah Kamaruzzaman. (2004). Muslim Legacy in Comparative Religion dalam Journal of Islam on Asia, issue 1 (June), hlm.450-481.

<sup>17</sup> ibid

manusia pada waktu itu telah menyeleweng dan memesongkan agama Nasrani dan Yahudi akhirnya membawa kepada paganism, polytheism, dualism dan atheism<sup>18</sup>. Sekalipun kelihatan agama-agama ini telah terpesong, namun aspek sejarah agama ini masih terpelihara dan kitab asal agama ini ada yang masih terjaga.

Berdasarkan perbincangan di atas iaitu mengenai pendekatan dan metodologi para sarjana Islam dan sarjana Barat mengkaji dalam disiplin perbandingan agama adalah berbeza sama sekali. Sarjana Islam meneliti dari aspek sejarah perkembangan agama-agama di dunia ini dan terbukti bahawa agama-agama di dunia khususnya agama samawi ini mempunyai konsep kepercayaan kepada Allah SWT sebagai Tuhan Yang Maha Esa.

Seterusnya, tokoh-tokoh pendakwah Islam yang mempunyai kepakaran dalam bidang perbandingan agama ini menjadikan kepakaran ini sebagai dakwah dalam menyampaikan risalah Islam khususnya risalah Tauhid. Ini kerana fitrah bagi seorang Muslim, jiwa dan hatinya tidak dapat lari daripada sifat seorang pendakwah. Ini jelas sekali yang ditekankan di dalam al-Quran mengenai konsep hamba dan khalifah adalah tujuan utama kewujudan manusia di dunia ini.

Ini jelas dilihat sejak daripada sejarah kegemilangan Islam, tokoh-tokoh seperti Abu Rayan al-Biruni<sup>19</sup>. Abu al-Karim al-Shahrastani, Abu Muhammad Ali bin Ahmad bin Sa'id bin Hazm atau dikenali sebagai Ibnu Hazm, Rahmatullah al-Kairanawi<sup>20</sup> dan lain-lain merupakan tokoh ilmuan dalam bidang perbandingan agama. Masing-masing meninggalkan karya-karya yang penting dalam penulisan antaranya al-Biruni yang terkenal dengan tulisannya; Kitab al-Athar al-Baqiyah ‘an al-Kurun al-Khaliyah (Kitab al-Athar) dan Tahqiq Ma Li al-Hind Maqulah Maqbulah fi al-Aql aw Mardulah (Kitab al-Hind). Manakala, Ibnu Hazm pula dalam karyanya al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahma wa al-Nihal, Al-Shahrastani pula dengan karyanya; al-Milal wa al-Nihal dan juga Rahmatullah al-Kairanawi dalam karyanya Izharul Haq. Tokoh-tokoh ini datangnya pada zaman pertengahan Islam.

Ilmu dan disiplin perbandingan agama ini tidak terhenti di situ sahaja bahkan terus bersambung oleh generasi baru atau kontemporari. Dalam kata lain, ilmu ini diteruskan oleh pendakwah baru yang bukan sahaja ada karya dan penulisannya tetapi juga mereka juga memainkan peranan di lapangan dan masyarakat sekeliling terhadap dakwah melalui perbandingan agama ini. Antaranya, Ismai Raji al-Faruqi dalam karyanya Trialogue of the Abrahamic Faiths<sup>21</sup> dan Ahmed Hoosen Deedat<sup>22</sup> dalam karyanya The Choice.

---

<sup>18</sup> ibid

<sup>19</sup> Kamar Oniah Kamaruzzaman. (2003).Al-Biruni:Father of Comparative Religion dalam Intellectual Discourse, vol.11,no.2, hlm.113-138.

<sup>20</sup> Wan Haslan Khairuddin, Indriaty Ismail dan Jaffary Awang. (2013). Pemikiran Kritis Rahmatullah al-Kairanawi dalam Religionswissenschaft dalam Jurnal Islamiyyat 35(1): hlm.57-63

<sup>21</sup> Zuriati Mohd Rashid dan Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2010). Al-Faruqi and his views on Comparative Religion dalam International Journal of Business and Social Science.vol.1,no.1 (October).hlm.106-119

<sup>22</sup> Rafiq Ahmad & Haroon Idrees. (2015). The Life and Works of Ahmad Deedat: A Muslim Scholar of Christian Bible dalam Al-Idah 31(December).hlm.159-179

## **6.0 KESIMPULAN**

Terdapat beberapa penekanan yang perlu diambil kira dalam aspek dakwah dan perbandingan agama seperti yang dibincangkan di atas. Pertamanya, Islam menitikberatkan dakwah yang mana ia suatu kemestian bagi umat Islam yang menyampaikan risalah Tauhid kepada umat manusia sama ada Muslim dan bukan Muslim. Kedua; apabila membincangkan aspek dakwah kepada bukan Islam, maka dakwah melalui perbandingan agama adalah satu kemahiran yang perlu ada pada umat Islam ketika berhadapan dengan sasaran dakwahnya. Ini boleh dilihat dalam konteks Malaysia yang mana rakyatnya bersifat majmuk dan pelbagai latarbelakang agama dan budaya. Maka, di sini pentingnya dakwah melalui perbandingan agama berlaku di Malaysia. Perkara yang terakhir ialah, antara dakwah dan perbandingan agama adalah seiringan dan bersepadan seperti yang dilihat dalam Islam, penilaian ilmu perbandingan agama itu ketara berbeza dengan penilaian perbandingan agama yang diteliti oleh golongan Barat. Oleh yang demikian, adalah menjadi kepentingan bagi seluruh umat Islam memahami bahawa antara dakwah dan perbandingan agama itu seperti alunan muzik dan irama. Dalam kata lain, keduanya tidak boleh dipisahkan.

## **BIBLIOGRAFI**

- Kamar Oniah Kamaruzaman. (2004), Muslim Legacy in Comparative Religion dalam Journal of Islam in Asia, 1,1 (June). hlm.450-481.
- Kamar Oniah Kamaruzzaman. (2003). Al-Biruni:Father of Comparative Religion dalam Intellectual Discourse, vol.11,no.2, hlm.113-138.
- Wan Haslan Khairuddin, Indriaty Ismail dan Jaffary Awang. (2013). Pemikiran Kritis Rahmatullah al-Kairanawi dalam Religionswissenschaft dalam Jurnal Islamiyyat 35(1): hlm.57-63
- Fatmir Shehu. (t.t). The Methodology of Ibn Hazm in Comparative Religion with Special Reference to his master piece al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahma wa al-Nihal. Hlm.1-20
- Yussamir Yusof.(2012). Hikmahnya Dakwah Rasulullah.Selangor: Mazni Irfan Publication
- Zuriati Mohd Rashid dan Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2010). Al-Faruqi and his views on Comparative Religion dalam International Journal of Business and Social Science.vol.1,no.1 (October).hlm.106-119
- Rafiq Ahmad & Haroon Idrees. (2015). The Life and Works of Ahmad Deedat: A Muslim Scholar of Christian Bible dalam Al-Idah 31(December).hlm.159-179
- Anon. (t.t), Metodologi Dakwah, Bangi : Pusat Kembangan Pendidikan, UKM
- Akram Kassab.(2010). Metode Dakwah Yusuf al-Qaradawi. Jakarta Timur: Pustaka al-Kautsar
- ‘Abd al-Karim Zaydan. (2009) Dasar-Dasar Imu Dakwah, Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar
- Thoha Yahya Umar. (1971) Ilmu Dakwah, Jakarta: Wijaya, 1971
- Zaki Masy’al, al-Ni’mah al-Kubra. (1985) Sorotan Pemikiran Dakwah Islamiyyah, Kaherah: Mathba’ah al-Sa’adah
- Ra’uf Shalabiy (1985) al-Dakwah al-Islamiyyah fi ‘Ahdiha al-Makkiy: Manahijuha wa Ghayatuha. Qahirah: al-Fajr al-Jadid
- Wan Hussein Azmi. (1984) Ilmu Dakwah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka,